

LEMBARAN PENZAHIRAN PRODUK

Sila baca dan fahami Lembaran Penzahiran Produk bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat produk pembiayaan ini sebelum anda memutuskan untuk menerima pembiayaan ini. Anda juga dinasihatkan untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon pembiayaan ini. Dapatkan penerangan daripada Koperasi Tentera ("KT") sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma-terma umum.

1. Apakah Pembiayaan ini?

Pembiayaan Peribadi Bai' Inah Elham adalah kemudahan pembiayaan patuh Syariah yang ditawarkan kepada anggota-anggota KT yang berkelayakan untuk tujuan peribadi ("Pembiayaan").

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Pembiayaan ini mengguna pakai konsep Bai Al-'Inah. Ia merujuk kepada kontrak yang melibatkan transaksi jual beli di mana KT akan menjual aset kepada anda secara pembayaran tertangguh dan membelinya semula secara tunai pada harga yang lebih rendah daripada harga jualan secara tertangguh tersebut.

3. Adakah saya boleh membuat Penyatuan Hutang untuk pembiayaan sedia ada yang masih berbaki?

Anda disyorkan / digalakkan untuk membuat penyatuan hutang bagi mana-mana baki pembiayaan sedia ada sama ada dari KT atau mana-mana institusi kewangan lain melalui Pembiayaan ini.

4. Apakah yang akan saya dapat melalui tawaran daripada Pembiayaan ini?

Jumlah Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> Minimum RM100,100.00 Maksimum sehingga RM400,000.00
Tempoh Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> Minimum 6 bulan. Maksimum sehingga 120 bulan (10 tahun). <p>Nota: Tempoh pembiayaan adalah tempoh ansuran bulanan yang perlu dibayar dan tidak termasuk tempoh moratorium. Bayaran ansuran bulanan akan bermula selepas 2 bulan pengeluaran pembiayaan dibuat.</p>
Kadar Keuntungan	Serendah 4.3% setahun pada kadar tetap.

5. Apakah tanggungjawab saya?

Anda dikehendaki membuat bayaran bulanan seperti yang dipersetujui pada tempoh masa yang ditetapkan.

Contoh adalah seperti berikut:-

Amaun Pembiayaan : RM 100,100.00

Tempoh Pembiayaan : 48 bulan

Kadar Keuntungan : 4.30 %

i. Harga Jualan yang perlu dibayar : RM 118,034.58

Harga Jualan = Jumlah pembiayaan + Jumlah keuntungan

Jumlah Keuntungan = Jumlah Pembiayaan x Kadar keuntungan x (tempoh pembiayaan [dalam tahun] + 2 bulan pra ansuran)

ii. Ansuran Bulanan yang perlu dibayar adalah : RM 2,459.05

Nota: Sekiranya tempoh pembiayaan dilanjutkan dan melebihi umur persaraan, anda bertanggungjawab untuk membuat pembayaran bulanan sehingga kesemua baki tertungggak dijelaskan. Walaubagaimanapun, anda boleh membuat penjelasan penuh pembiayaan pada bila-bila masa.

Sekiranya anda ingin menarik diri daripada menjadi anggota KT atau keanggotaan anda terhenti atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam Undang-undang Kecil KT, anda bertanggungjawab untuk menyelesaikan sepenuhnya baki pembiayaan yang tertungggak samada melalui proses pelarasan (penolakan daripada akaun yuran dan simpanan yang terkumpul) ataupun secara tunai.

6. Apakah fi dan caj yang perlu dibayar?

Jenis Fi dan Caj	Keterangan Fi dan Caj
Caj Perkhidmatan	Pembiayaan Baharu : RM10.00 Pembiayaan Bertindih (<i>Rollover</i>) : RM50.00
Duti Setem	a) Pembiayaan RM1,000 dan ke bawah : Duti setem minimum ditetapkan pada RM10. b) Pembiayaan RM1,000 ke atas : RM5 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripadanya atau sepertimana yang termaktub di dalam Akta Duti Setem 1949 dan pindaan dari semasa ke semasa.
Caj Pengeluaran Cek	RM 1.00 bagi setiap keping cek yang dicetak dan akan ditolak dari jumlah pembiayaan diluluskan.
Caj CTOS/CCRIS	RM5.00/RM7.00 bagi satu permohonan. (Jika berkenaan)
Caj Moratorium (Pra Ansuran)	Keuntungan terakru bagi tempoh 2 bulan pertama pembiayaan sebelum bayaran ansuran bermula akan dimasukkan pada ansuran bulan ketiga dan seterusnya dalam tempoh pembiayaan.
Caj Pentadbiran	RM100.00 untuk setiap akaun bagi urusan penyelesaian awal pembiayaan.
Caj Pemprosesan Penyata Penyelesaian Awal	RM15.00 untuk setiap permohonan penyelesaian awal pembiayaan pada satu-satu masa.

Nota:

- 1) Kesemua fi dan caj berkaitan (kecuali Caj Pentadbiran dan Caj Pemprosesan Penyata Penyelesaian Awal) akan ditolak dari jumlah pembiayaan yang diterima oleh anda.
- 2) KT akan memaklumkan dari semasa ke semasa sekiranya terdapat sebarang perubahan pada fi dan caj yang perlu dibayar.

7. Bagaimakah sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab yang diperuntukkan?

- i. KT berhak mengenakan dan menuntut ganti rugi (Ta'widh) daripada anda atas kerugian sebenar yang dialami oleh pihak KT, akibat daripada kelewatan atau kegagalan anda membayar ansuran, baki Harga Jualan atau apa-apa jumlah bayaran tertungggak yang perlu dibayar kepada pihak KT, dikira daripada tarikh bayaran sepatutnya dibayar sehingga pembayaran sepenuhnya dibuat. Ta'widh yang dikenakan adalah pada kadar 1% setahun atas jumlah bayaran tertungggak yang dikira secara harian setelah akaun pembiayaan matang. (Berdasarkan garis panduan dan resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia yang digunakan sebagai rujukan dan panduan terma ini).

- ii. Sekiranya berlaku kegagalan pembayaran ansuran, KT akan mengeluarkan notis peringatan bagi meminta bayaran daripada anda untuk membuat pembayaran pembiayaan yang tertunggak.
- iii. Tindakan undang-undang mungkin akan diambil sekiranya anda gagal untuk mematuhi notis peringatan yang diberikan oleh pihak KT.
- iv. KT berhak menyelesaikan bayaran tertunggak Kemudahan dengan menggunakan wang yang ada di dalam Akaun Simpanan dan / atau Akaun Yuran Pelanggan pada bila-bila masa dengan memberi notis selama tujuh (7) hari.

8. Bagaimakah sekiranya saya menyelesaikan hutang pembiayaan sebelum tempoh matang?

Rebat (*Ibra'*) akan diberikan kepada anda berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu keadaan (tetapi tidak terhad kepada) berikut:-

- i. Anda membuat penjelasan awal, penebusan awal atau membuat bayaran awal sebelum tarikh matang pembiayaan;
- ii. Penjelasan oleh anda dalam kes kemungkinan pembayaran dan anda kemudiannya membuat bayaran keseluruhan keterhutangan di bawah pembiayaan sebelum tarikh matang;

Formula untuk pengiraan *Ibra'* adalah seperti berikut:

$$\text{Ibra'} = \text{Baki keuntungan yang belum diperolehi/ belum terakru/ diperolehi} - \text{Caj penyelesaian awal}$$

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada pihak KT tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyurat dan maklumat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh mengemaskini butiran peribadi anda di Kaunter Cawangan KT berhampiran.

10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Tidak perlu kerana pembiayaan ini tidak memerlukan penjamin atau cagaran. Selain itu, bagi kemudahan dengan tempoh pembiayaan yang melebihi Tempoh Tamat Perkhidmatan (TTP);

- i. Cagaran ke atas yuran bagi baki jumlah pembiayaan selepas TTP; atau/dan
- ii. Deposit sekuriti sebanyak 10% diperlukan sekiranya baki yuran tidak mencukupi untuk menampung baki pembiayaan melebihi TTP dan ianya akan ditolak daripada pembiayaan. Deposit sekuriti ini akan digunakan bagi menyelesaikan baki ansuran diakhir tempoh pembiayaan.

11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

- i. Jika anda mempunyai sebarang masalah untuk menjelaskan pembayaran anda, hubungi kami terlebih dahulu untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Anda boleh menghubungi kami di talian KT Customer Care 03-2303 0000.
- ii. Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Suruhanjaya Koperasi Malaysia di:-

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
 Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
 Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
 Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur
 No Tel: 03-2083 4000
 Faks: 03-2083 4100

Emel: webmaster@skm.gov.my

12. Lain-lain pakej pembiayaan peribadi yang ditawarkan oleh KT:

- i. Pembiayaan Ekspress (QM, NX dan ES)
- ii. Pembiayaan Bagi Takaful dan Cukai Jalan Kenderaan (IR)
- iii. Kempen Pembiayaan Peribadi Bai'inah (KRC)
- iv. Pembiayaan Peribadi peSARA-i
- v. Pinjaman Peribadi EzyCash-i (EC)
- vi. Pinjaman Peribadi Perpenjamin (KT)
- vii. Pinjaman Peribadi Tanpa Penjamin (KA)
- viii. Pembiayaan Peribadi Berdasarkan Yuran Anggota (KR)

Nota Penting:

- a. Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda jika anda tidak membuat pembayaran bagi akaun pembiayaan peribadi anda dengan sewajarnya.
- b. Maklumat yang disediakan dalam lembaran maklumat ini adalah sah mulai [04/02/2025].

Penafian:

Maklumat yang diberikan hanya merupakan maklumat am sahaja tentang Produk ini. Maklumat di dalam Lembaran Penzahiran Produk ini adalah merupakan tentatif/petunjuk dan ilustrasi sahaja dan boleh berubah atas budi bicara KT. KT berhak untuk membuat apa-apa pindaan ke atas Lembaran Penzahiran Produk ini dari semasa ke semasa. Pindaan tersebut akan dikemaskinikan dan anggota boleh mendapatkan maklumat terkini berkenaan Lembaran Penzahiran Produk melalui laman sesawang KT di www.katmb.com.my. Terma-terma dan syarat-syarat yang muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran (bagi mana-mana yang berkenaan), Terma dan Syarat di dalam Borang Permohonan, Borang Aqad iaitu Perjanjian Jualan Harga Tangguh (Bai Inah) dan Perjanjian Belian Tunai (Bai Inah) dan Baucer Bayaran, selepas proses penilaian kredit dan kelulusan. Penyampaian Lembaran Penzahiran Produk ini kepada anda tidak akan mewujudkan sebarang kewajipan oleh KT untuk memberi apa-apa kemudahan.

Sila hubungi mana-mana Cawangan KT berdekatan atau layari www.katmb.com.my untuk maklumat lanjut.